

Bebas ikat jamin kes tembak, ditahan semula kerana dadah

Posted on February 5, 2015, Thursday



TAHAN: Tiga daripada lapan suspek yang ditahan semula oleh pihak polis selepas dibebaskan dengan ikat jamin polis oleh mahkamah.

SIBU: Mahkamah Majistret semalam memerintahkan kesemua suspek yang ditahan berikutan insiden melepaskan tembakan di Wisma Sanyan dan Sarawak House Jumaat lepas, dibebaskan dengan ikat jamin polis.

Kelapan-lapan suspek berusia antara 19 hingga 50 tahun, bagaimanapun ditahan semula oleh pihak polis dari cawangan narkotik sebaik mereka keluar dari kamar mahkamah.

Kesemua suspek akan ditahan reman semula esok untuk membantu siasatan lanjut selepas didapati positif dadah sebelum ini.

Terdahulu lima suspek pertama ditahan di sebuah rumah di Jalan Engkala dalam tempoh 24 jam selepas insiden tembakan itu berlaku, manakala tiga lagi suspek ditahan di Jalan Kapor dan Pasar Tiong Hua pada Ahad lepas.

Pihak polis turut menemui selaras senapang patah dipercayai digunakan dalam kejadian itu di rumah sama di Jalan Engkala kira-kira jam 3.35 petang kelmarin.

Senapang patah tersebut ditemui dalam keadaan berbungkus dalam kain selimut dan disembunyikan di bawah kusyen kerusi di ruang tamu rumah tersebut.

Berdasarkan laporan sebelum ini, pihak polis telah menemui beberapa kesan tembakan di dinding kaca kedua-dua pusat beli-belah yang terletak di Jalan Sanyan dan Jalan Kampung Nyabor itu selepas menerima aduan ramai.

Pihak polis percaya kejadian itu berkaitan antara satu sama lain, namun tidak dapat dipastikan sama ada ia berlaku pada sebelah malam atau awal pagi.

